

Jenis Akhbar : Kosmo  
Tarikh : 18/02/2022  
Edisi / Muka Surat : Nasional (16)  
Tajuk : ANGKASA Tanam Jagung, Kurangkan Import Dedak



ABDUL FATTAH (duduk, empat dari kiri) bersama ahli jawatankuasa baharu Koperasi Pekebun Kecil Daerah Lipis Berhad di Dewan UMNO Lipis, Lipis semalam.

## Angkasa tanam jagung, kurangkan import dedak

Oleh HARIS FADILAH AHMAD

**LIPIS** – Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) akan memperluaskan projek tanaman jagung di seluruh negara bagi mengurangkan kebergantungan kepada import sekali gus menggantikan dedak sebagai makanan haiwan ternakan.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Abdul Fattah Abdullah berkata, menerusi usahasama yang baik antara pihaknya dengan syarikat perladangan, projek itu diyakini mampu mengurangkan kebergantungan negara mengimport bahan makanan ternakan dari luar negara.

"Tanaman jagung ini diusahakan menerusi kerjasama dengan syarikat tempatan iaitu Famax Plantation (M) Sdn. Bhd. di Jitra, Kedah di kawasan seluas 200 hektar.

"Tanaman ini mendapat permintaan tinggi dan menjadi sebagai penanda aras bagi Angkasa untuk memperluaskan ke seluruh negara," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Agung Tahun ke-34 Pekebun Kecil Lipis Berhad di Dewan UMNO Lipis di sini semalam.



KERATAN Kosmo! 7 Januari 2022.

Menurut beliau, sebanyak RM700,000 diperuntukkan bagi projek rintis jagung bijan di Jitra itu dan Angkasa bersedia untuk bekerjasama dengan beberapa syarikat dan koperasi di seluruh negara untuk memperluaskan tanaman tersebut di negeri-negeri lain.

Abdul Fattah memberitahu, mengikut perancangan awal, pihaknya berhasrat mengembangkan projek itu dengan pembabitan 12 koperasi di kawasan lain yang akan ditentukan kelak.

"Angkasa telah mengenal pasti kawasan seluas 4,000 hektar di seluruh negara yang akan dibangunkan oleh koperasi setempat dan syarikat terpilih.

"Dengan penghasilan sendiri jagung ini, saya percaya ramai penternak akan mudah menda-

patkan produk tersebut dengan harga lebih murah. Pada masa sama ia dapat menambahkan pendapatan ahli-ahli koperasi.

"Ini merupakan sebahagian usaha Angkasa dalam membantu kerajaan menangani masalah kenaikan harga dedak yang menjejaskan pengeluaran ayam dan telur selain menambah bilangan pengeluaran tempatan dalam koperasi Bumiputera," ujarnya.

Kosmo! pada 7 Januari lalu melaporkan Persatuan Pengguna Kedah (Cake) menggesa kerajaan supaya mewujudkan industri penghasilan makanan haiwan ternakan secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan daripada seluruh penternak dalam negara.

Setiausahanya, Mohamad Yusrizal Yusso berkata, negara tidak boleh lagi bergantung kepada dedak yang diimport dari luar negara berikutan harga pasarnya tidak menentu.

Keadaan itu menyebabkan peningkatan harga makanan haiwan ternakan itu sejak kira-kira setahun lalu. Dedak kini dijual lebih RM100 sekampit dengan berat 50 kilogram (kg) dan harganya meningkat sebanyak empat kali dalam masa setahun.